




SEKILAS DATA : MISI BANTUAN BENCANA GEMPA BUMI MYANMAR

Penyelarasan Pengurusan Pasukan MAS-01

Struktur pengurusan Pasukan MAS-01 yang ditugaskan ke Myanmar dibahagikan kepada 2:

- (i) pengurusan Pasukan di lapangan diketuai oleh Komander Kontinjen, dibantu Timbalan Komander Kontinjen, unit pengurusan dan logistik. Pengurusan ini melibatkan aspek taktikal di lapangan.
- (ii) Pengurusan *home-support* secara jarak jauh oleh pegawai operasi di NADMA. Pasukan ini memantau keperluan dan memberi sokongan dari segi dokumentasi, koordinasi dengan pihak kedutaan, kewangan, kebajikan dan lain-lain dalam memastikan kelangsungan operasi Pasukan MAS-01



Base of Operation (BoO) Pasukan MAS-01 SMART di Sagaing

- Pasukan SMART telah diarahkan oleh Myanmar Department of Disaster Management (DDM) untuk beroperasi di Sagaing, kira-kira 270km daripada Nay Pyi Taw
- Pasukan penyelamat MAS-01 dipecah kepada 2: Pasukan Operasi Alpha 1 dan Alpha 2 untuk operasi SAR di lapangan .

Reception Departure Centre (RDC) Nay Pyi Taw

- Sebahagian mekanisme INSARAG, RDC dibuka di pintu-pintu masuk sesebuah negara yang terjejas bencana, bukan sahaja bagi membantu NDMO dalam mendaftar semua kemasukan pasukan bantuan antarabangsa, malahan juga merupakan tempat informasi awal berhubung semua maklumat operasi taktikal yang perlu diketahui oleh pasukan-pasukan bantuan antarabangsa yang ingin membantu dalam pengoperasian lapangan.

MYANMAR

Bil. kematian: 2,900 orang

Bil. kecederaan: 3,400 orang

Kawasan terlibat: : Sagaing, Mandalay, Magway, northeastern Shan State, Naypyidaw dan Bago.

Maklumat sehingga 31 Mac 2025: *Democratic Voice of Burma*



LAPORAN HARIAN MISI HADR MYANMAR NADMA, JPM

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

SITREP #2

31 MAC 2025 | 1700H



SITUASI

Kejadian bencana gempa bumi berskala 7.7M pada 28 Mac 2025 yang menjejaskan Myanmar kini memasuki hari ke-3. Kebanyakan kawasan terjejas masih menumpu kepada **operasi mencari dan menyelamatkan, bantuan perubatan dan pengagihan bantuan kemanusiaan kepada mangsa yang terjejas.**



IMPAK

- Di Myanmar, 5 wilayah yang berada dalam radius epicenter gempa terjejas iaitu Wilayah Nay Pyi Taw, Mandalay, Tanintharyi, Bago and Kayah.
- Myanmar mengisytiharkan status kecemasan terhadap 6 kawasan yang paling terjejas: **Sagaing, Mandalay, Magway, Northeastern Shan State, Naypyidaw dan Bago.**
Meninggal dunia : 2,900 orang (Sumber: Democratic Voice of Burma.31 Mac)
Cedera: 3,400 orang, ramai dilaporkan masih hilang.



RESPON SAR ANTARABANGSA

- Reception/Departure Centre (RDC) sebagai pintu masuk Pasukan Bantuan Antarabangsa adalah di Nay Pyi Taw.
- Pasukan Singapura (SGP01), Russia (RUS-01), China (CHN-02) dan India (IND10) tiba di Myanmar pada 29 Mac 2025.
- SGP01 beroperasi di Nay Pyi Taw, CHN-02 dan RUS-01 di Mandalay dan IND10 tiada maklumat.
- Pasukan **MAS-01 kini beroperasi di Wilayah Sagaing**, sebagaimana ditetapkan oleh *Local Emergency Management Authority* (LEMA) dan merupakan satu-satunya pasukan yang beroperasi di Sagaing buat masa ini.



STATUS PASUKAN MAS-01 SMART NADMA

- Aturgerak MAS-01 memasuki **hari ke-2** di Myanmar.
- Pada 30 Mac 2025, Pasukan MAS-01 SMART NADMA dengan kekuatan 50 personel dilengkapi 33 tan kargo meliputi peralatan menyelamatkan dan 3 kenderaan bertolak dari Pangkalan Udara Subang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Nay Pyi Taw menaiki 2 pesawat A400M TUDM.
RMF 141: Berlepas 0942H/ Tiba 1246H (1116 waktu Myanmar)
RMF 142: Berlepas 1021H/ Tiba 1400H (1230 waktu Myanmar)
- Selesai proses penunggahan barangan dan proses di Reception/Departure Centre, Pasukan MAS-01 telah ditugaskan ke di Wilayah Sagaing, kira-kira 270km daripada Nay Pyi Taw.
- Pada jam 1610H waktu Myanmar, Pasukan MAS-01 telah bergerak ke Sagaing menaiki **2 trak SMART, 1 Hilux SMART, 2 bas Myanmar dan 2 trak tentera** Myanmar dengan kawalan ketat polis.
- Pasukan MAS-01 tiba di Sagaing pada jam 0400H, 31 Mac 2025. Perjalanan menempuh 10 checkpoint keselamatan dan diperiksa di setiap check point.

- Lokasi Base of Operation (BoO) adalah di Sagaing Anniversary Football Pitch.
- Pasukan disambut oleh Pegawai Daerah Sagaing, Encik U Kyaw Swar Maung Soe dan diberikan taklimat tentang situasi semasa dan lokasi fokus operasi mencari dan menyelamatkan.



OPERASI MENCARI DAN MENYELAMAT

- Penugasan pertama pasukan dipecahkan kepada 3 tapak operasi.
- Fokus Penyelamatan: Keutamaan rumah-rumah ibadat. Laporan penduduk dianggarkan 20 orang mangsa masih terperangkap.
- Pasukan MAS-01 menumpukan fasiliti kritikal: Rumah Ibadat (masjid, tokong, kuil), sekolah dan hospital.
- Jadual kerja operasi adalah dari 0800H hingga 1700H waktu tempatan



ISU DAN CABARAN

- Isu keselamatan**
 - (i) Pergerakan ke lokasi diringi oleh Pasukan Polis dan melalui 10 pos pemeriksaan mencerminkan tahap risiko keselamatan yang tinggi di kawasan ini.
 - (ii) Laporan berhubung kawasan bergolak yang masih dibom oleh tentera Myanmar.
 - (iii) Laporan oleh penduduk tempatan berhubung risiko periuk api (mines) yang masih terdapat di sekitar Sagaing, terutama di kuil-kuil.
 - (iv) Gegaran susulan (aftershock) masih kerap berlaku antara 3.0 hingga 5.1 Magnitud memberi risiko runtuh susulan bangunan yang tidak stabil, berisiko membahayakan Pasukan MAS-01.
- Isu logistik**
 - (i) Pasukan MAS-01 memerlukan bekalan logistik seperti minyak petrol, untuk kenderaan dan peralatan seperti genset.
 - Malawakil telah membantu mengenalpasti stesen pam yang boleh membekalkan minyak petrol untuk Pasukan MAS-01
 - (ii) Capaian telekomunikasi di kawasan ground zero.
 - Kad sim telah dibekalkan oleh pihak AHA Centre . Telefon satelit dan BGAN yang dibawa oleh Pasukan MAS-01 berfungsi dengan baik.



RAMALAN

- Cuaca panas antara 38^o ke 41^oC, menyukarkan kerja misi bantuan kemanusiaan dan operasi SAR terutama pada waktu tengah hari.
- Tempoh bencana telah melepasi tempoh kritikal 72 jam. Berdasarkan runtuh dan cuaca persekitaran, peratusan untuk mencari dan menyelamatkan mangsa yang masih hidup di bawah runtuh semakin menurun
- Kekurangan bekalan asas bagi mangsa yang terselamat, meningkatkan faktor keterancaman mangsa bencana di kawasan terjejas,



FOTO OPERASI PASUKAN MAS-01 SMART : MISI BANTUAN BENCANA GEMPA BUMI MYANMAR



BASE OF OPERATION PASUKAN SMART MALAYSIA DI SAGAING


Base Of Operation(BoO) Pasukan MAS-01 di Sagaing 700 Anniversary Football Pitch yang siap dipasang dalam tempoh 2 jam.

Dalam penugasan Pasukan dalam operasi USAR ke kawasan bencana, BoO merupakan pangkalan operasi di lapangan untuk tempoh penugasan maksimum 14 hari. Komponen lengkap BoO berdasarkan INSARAG Guideline adalah:-

1. *Command Post*
2. Pos Perubatan
3. Kawasan Dekontaminasi
4. Ruang Makan
5. Ruang Rehat
6. Khemah Penginapan
7. Logistik

Keupayaan untuk menyediakan BoO yang lengkap dan menepati kriteria menunjukkan upaya sendiri (*self-sufficient*) Pasukan berkenaan untuk beroperasi di kawasan bencana dalam tempoh 14 hari. Faktor susun atur BoO yang sistematik seperti susunan khemah, peralatan, pencahayaan, kebersihan perlu diambilkira untuk menjadikan kawasan operasi Pasukan yang kondusif dan selamat. BoO pasukan SMART dikagumi kerana menepati kesemua kriteria yang disenaraikan.

Sumber: Komander Kontinjen, Pasukan MAS-01 di Ground Zero



LOKASI OPERASI MAS-01 – DAY 1 (31Mac 2025)

Lokasi 1: Nyat Private School

Situasi: Maklumat awal terdapat 6 mangsa terperangkap.

Tindakan: : SAR diaktifkan dan usaha untuk mengesan mangsa sedang dilaksanakan

Sumber: Pasukan MAS-01 di Ground Zero



LOKASI OPERASI MAS-01 – DAY 1 (31Mac 2025)

Lokasi 2: Masjid Nyoo Ma

Situasi: Dilaporkan terdapat mangsa terperangkap

Tindakan: SAR diaktifkan dan usaha untuk mengesan mangsa sedang dilaksanakan

Sumber: Pasukan MAS-01 di Ground Zero



LOKASI OPERASI MAS-01 – DAY 1 (31Mac 2025)

Lokasi 3: Masjid Moe Gya

Situasi: Maklumat awal terdapat 10 orang terperangkap

Tindakan: : SAR diaktifkan dan usaha untuk mengesan mangsa sedang dilaksanakan

Sumber: Pasukan MAS-01 di Ground Zero